

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKTI YANG KE-13
29 JUN 1990**

Saudari-saudari sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli BAKTI kerana sanggup menunggu untuk sama-sama menyelesaikan Mesyuarat Agung Tahunan BAKTI yang ke-13 ini setelah sempurna majlis perasmianya sebentar tadi.

2. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah menyumbangkan bermacam-macam juadah dan menjayakan majlis ini. Majlis peringkat kedua ini amatlah penting bagi semua ahli BAKTI dan oleh itu saya berharap saudari-saudari sekalian akan dapat memberikan kerjasama untuk hadir sehingga berakhirnya Majlis ini supaya perkara-perkara penting akan dapat dibincang dan diselesaikan bersama dan bukan diserahkan kepada ahli Jawatankuasa sahaja.

3. Saya merayu kepada ahli-ahli supaya mengambil tahu dan menyertai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh BAKTI. Melalui penyertaan saudari-saudari sekalian sahajalah, maka kita dapat berkenal mesra, sambil menambahkan pengetahuan dan memperluaskan lagi pemikiran kita. Mungkin ada ahli-ahli yang memikirkan bahawa kegiatan-kegiatan BAKTI tidak banyak mendatangkan faedah.. Kebanyakan daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh BAKTI diatur oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil. Memandangkan sambutan yang agak lembab daripada ahli-ahli sendiri, maka ada daripada kegiatan-kegiatan tersebut terpaksa dibatalkan. Inilah yang amat mendukacitakan saya. Untuk mengelakkan daripada kegagalan rancangan-rancangan seperti yang saya sebutkan tadi, cadangan-cadangan serta pandangan yang membina daripada ahli-ahli adalah penting sebagai panduan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kecil.

4. Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa Kecil telah bersungguh-sungguh merancang untuk menguruskan tugas masing-masing. Ramai daripada ahli-ahli BAKTI yang tidak mengetahui hal ini dan oleh itu mereka tidak menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa tadi. Dengan mengambil tahu dan memberi sambutan terhadap setiap rancangan BAKTI, sekurang-kurangnya kita tidak membebankan lagi tugas-tugas mereka.

5. Saya sendiri seringkali bertanya dalam hati, apakah ahli-ahli hanya menunggu sesuatu daripada BAKTI sahaja dan tidak pula rela menyumbangkan sedikit masa dan tenaga untuk berbakti bersama-sama? Janganlah kita hanya berjumpa sewaktu hendak menerima bungkusan-bungkusan Hari Raya sahaja sedangkan pada masa-masa lain pula BAKTI dilupakan begitu sahaja. Tentulah perkara ini tidak wajar dilakukan memandangkan ahli-ahli dan rakan-rakan saudari-saudari yang lain dalam BAKTI bertungkus-lumus menyediakan sesuatu program tanpa mengira penat lelah.

6. Banyak lagi sumbangan yang akan diberi kelak. Oleh itu ahli-ahli BAKTI perlulah berdamping rapat untuk bermesra dan bersama-sama menjalankan tugas dan tanggungjawab demi kebaikan rakyat. Sebentar lagi kita akan membuat perlantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir bagi sesi 1990/91 dan saya berharap ahli-ahli akan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab supaya Jawatankuasa Tadbir yang baru akan membawa BAKTI dan ahli-ahlinya ke tahap yang lebih maju lagi dan memberi manfaat kepada ahli-ahli dan masyarakat amnya.

7. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada dua orang rakan kita yang telah dianugerahkan bintang Johan Setia Mahkota (JSM) sempena keputeraan ke bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong baru-baru ini. Mereka ialah Puan Ranita Hussein, Penasihat II BAKTI. Beliau telah dengan rela hati dan bersetuju menjadi Penasihat BAKTI semenjak 1988 lagi dan kita berasa bangga di atas kejayaan dalam kerjaya beliau.

8. Penerima bintang JSM yang kedua ialah Yang Berbahagia Toh Puan Hajah Dr. Aishah Ong yang tidak payah lagi saya kenalkan. Semua urusan kebajikan BAKTI adalah dikelolakan oleh beliau dengan amat cekap dan teliti. Saya berani berkata di sini tugas Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan bukanlah mudah kerana setiap rayuan daripada orang ramai terpaksa dilayan dan disiasat sebelum sesuatu keputusan dibuat. Semua peraturan ini dijalankan oleh Yang Berbahagia Toh Puan Dr. Aisah di samping tugas-tugas rasminya di Hospital Universiti dan badan-badan sukarela yang lain. Kita amat berbangga di atas kejayaan beliau dan mengucapkan tahniah. Penganugerahan kedua-dua wanita ini adalah satu sejarah bagi BAKTI. Syabas.

Saudari-saudari sekalian.

9. Laporan Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa Kecil ada di hadapan kita. Saya berharap saudara-saudari akan menelitinya dan memberi perhatian untuk merancang bersama kegiatan-kegiatan dan haluan BAKTI pada masa hadapan.

10. Saya berharap semoga Mesyuarat kali ini akan berjalan dengan lebih licin dan tepat supaya Mesyuarat ini lebih berjaya dan selesai dengan sempurna.

Dengan harapan ini saya menjemput para hadirin kepada agenda yang ke-2.